



KENYATAAN MEDIA

**YB. DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**LAPORAN BERITA HARIAN, 13 SEPTEMBER 2017
“PROJEK HALANG HAKISAN MELEPAS BATOK DI TANGGA”**

14 SEPTEMBER 2017

1. Saya ingin merujuk kepada pelaporan berita oleh Saudari Ilah Hafiz Aziz di dalam akhbar Berita Harian, bertajuk “Projek halang hakisan melepas batok di tangga” bertarikh 13 September 2017.
2. Fenomena hakisan pantai terjadi disebabkan faktor alam semula jadi iaitu ombak, angin, arus atau kesan daripada pembangunan infrastruktur. Ia merupakan ancaman kepada penduduk yang tinggal di kawasan pinggiran pantai sekiranya tiada tindakan diambil untuk menanganinya.
3. Pantai yang terdedah kepada lautan luas lazimnya menghasilkan cerun yang lebih curam. Ini kerana kawasan pantai berkenaan mengalami tenaga ombak dan arus yang kuat berbanding dengan pantai yang terlindung.
4. Jajaran pantai Malaysia secara amnya bersifat dinamik. Perubahan ketara (hakisan) terhadap jajaran pantai boleh terjadi secara semulajadi dan disebabkan aktiviti manusia. Hakisan yang berlaku secara semulajadi adalah disebabkan oleh perubahan iklim dunia yang boleh memberi impak terhadap halaju angin, ombak dan juga kenaikan paras air laut. Selain itu,

aktiviti pembangunan tanpa kawalan di zon pantai akibat tindakan manusia akan menjejaskan keseimbangan geomorfologi pantai dan memusnahkan sumber-sumber semulajadi di kawasan sekitar.

5. Bagi mengatasi masalah hakisan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menerima sejumlah peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja pengawalan hakisan pantai dan juga kajian-kajian yang berkaitan. JPS turut mempunyai kepakaran dalam merekabentuk struktur kawalan hakisan pantai.

6. Pembinaan struktur hakisan di tapak turut diselia sebaik mungkin bagi memastikan pembinaan mengikut rekabentuk dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Pemilihan struktur-struktur yang digunakan bukan sahaja berdasarkan kesesuaian di sesuatu lokasi malah ia juga bergantung kepada peruntukan yang diperolehi. Namun demikian, terdapat faktor-faktor tertentu seperti darurat dan kecemasan yang berlaku ketika musim monsun yang memerlukan tindakan segera oleh pihak jabatan bagi mengelakkan kemusnahan harta benda dan kemalangan jiwa. Dalam keadaan ini jabatan terpaksa melaksanakan kerja darurat tersebut dengan menggunakan sumber yang terhad dan rekabentuk yang sewajarnya.

7. JPS juga telah melaksanakan Kajian Hakisan Pantai Negara 2015 di mana panjang keseluruhan pantai Malaysia adalah 8840km dengan panjang yang terhakis adalah 1347.6km yang terdiri daripada beberapa kategori hakisan. Pengelasan kategori hakisan adalah berdasarkan kepada faktor fizikal (Kadar Hakisan) dan Faktor Ekonomi (Pembangunan di sesuatu tempat).

8. Terdapat tiga (3) jenis kategori hakisan iaitu Hakisan Kategori 1 (Kritikal), Hakisan Kategori 2 (Ketara) dan Hakisan Kategori 3 (Belum Serious). Secara keseluruhan peratus hakisan pantai adalah seperti berikut:

Kategori 1: 0.63% (44 lokasi - 55.4km)

Kategori 2: 4.3% (309 lokasi - 375.9km)

Kategori 3: 10.4% (2344 lokasi - 916.3km)

Kawasan stabil: 84.67%. (7492.4 km)

9. JPS turut melaksanakan *Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)* di lapan (8) buah negeri sebagai tindakan jangka panjang bukan struktur bagi menangani masalah hakisan pantai. Negeri-negeri tersebut ialah Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor (Pantai Barat), Pahang (Utara dan Selatan), Sarawak (Miri), Sabah Pantai Barat (Papar –Tuaran) dan Labuan. Selain itu, sebarang pembangunan di hadapan zon pantai perlulah mendapat kelulusan kajian hidraulik terlebih dahulu. Pihak JPS sememangnya mensyaratkan *Coastal Hydraulic Study* dilaksanakan sebelum kelulusan pembangunan diberikan.

**DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
PUTRAJAYA**